

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 (19)

11 Februari 2018
25 Jamadilawal 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2018

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2016 KEMAJUAN KERJAYA LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS (SUBJECT MATTER EXPERT – SME) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 95 bertarikh 17 Januari 2018 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016 mengenai Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016 ini menjelaskan kaedah pelaksanaan kemajuan kerjaya laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) bagi mengiktiraf pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang memiliki keupayaan intelektual dan kepakaran yang tinggi, berpengalaman luas dalam bidang kepakaran serta menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasinya ke arah memastikan pengekalan bakat terbaik dan berkepakaran tinggi dalam perkhidmatan awam.

3. Pegawai awam yang mempunyai kepakaran intelektual, kepakaran yang tinggi, berpengalaman luas serta menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasinya layak diiktiraf sebagai pakar SME oleh Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) melalui pemangkuan/kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) tertakluk melepasi tapisan kepakaran yang ketat. Pegawai SME perlu melaksanakan Penugasan Khas Pakar Bidang Khusus (SME Special Assignment – SSA) di samping tugas hakiki berdasarkan jawatan bagi tujuan pengekalan dan peningkatan di laluan SME.


...2/-

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum berkenaan pemakaian pekeliling ini. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan. Maklumat lanjut berhubung pekeliling boleh dirujuk ke Seksyen Perjawatan, Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah